



KIT

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN & SUMBER MANUSIA

COVID-19



PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK

Edisi 1, 12 Mei 2020



PENGENALAN COVID-19 CORONAVIRUS

“ Coronavirus 2019 atau COVID-19 merupakan penyakit pernafasan yang disebabkan oleh virus SARS-CoV-2. Ia telah merebak ke banyak negara di seluruh dunia sehingga kini telah diisyiharkan sebagai pandemik oleh WHO. ”

World Health Organization (WHO) telah mengisyiharkan Pandemik COVID-19 di seluruh dunia pada 11 Mac 2020. Penularan COVID 19 perlu dibendung dan kerjasama seluruh dunia adalah amat diperlukan. Justeru itu, sebagai salah satu langkah pencegahan penularan COVID 19 ini, Malaysia telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 18 Mac 2020.

Sehubungan itu, Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (PANS) telah mengambil inisiatif untuk menyediakan garis panduan yang boleh dirujuk oleh penjawat awam PANS untuk kembali bekerja dengan mengambilkira perubahan dalam pelbagai aspek selepas PKP tamat.

Tujuan kit ini adalah untuk memberi maklumat kepada Ketua Jabatan dan penjawat awam PANS mengenai penyampaian perkhidmatan dan pengurusan sumber manusia di jabatan atau agensi masing-masing.

Bersama-sama kita semua memainkan peranan penting untuk menghentikan penularan wabak COVID-19. Pada masa yang sama juga, kita mengamalkan norma kerja baru dalam memastikan penyampaian perkhidmatan awam Negeri sentiasa lancar kepada rakyat Sarawak.



USE
HAND
SANITIZER



USE
FACE
MASK



STAY
AT
HOME

KANDUNGAN

BAB



Mengenai COVID-19	1
Kesan-Kesan Semasa dan Selepas Pandemik COVID-19 Terhadap PANS	2

BAB



Garis Panduan Asas Operasi Pejabat Kerajaan Negeri Semasa & Selepas Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)

Tatacara Bekerja Semasa & Selepas Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)	4
Perjalanan ke Tempat Kerja	7
Nasihat kepada Majikan : Sekiranya ada pekerja yang begejala COVID-19	8
Garis Panduan untuk Mesyuarat, Sidang Media dan Acara	9
Bilik Operasi untuk Tujuan Saringan di Negeri Sarawak	12
COVID-19 : Kesesuaian Penganjuran Program	13
Cegah COVID-19 : Tindakan Penganjur Program	14
Cegah COVID-19 : Tindakan Peserta Program	15
Pengurusan Rekod , Dokumen Rahsia Rasmi & Aset Kerajaan	16
Garis Panduan untuk Penjarakan Sosial di Tempat Kerja	22

BAB



Garis Panduan Pengurusan Perkhidmatan Pelanggan di Tempat Kerja PANS Semasa & Selepas Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)

Panduan Pengurusan Perkhidmatan Pelanggan di Tempat Kerja PANS	24
--	----



BAB 1 *Bekerja Dari Rumah (Work From Home)*

Arahan Bekerja Dari Rumah Penjawat Awam Negeri Sarawak (PANS)	35
Panduan Bekerja Dari Rumah Bagi Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (PANS)	36
3R : Norma Baharu Kerja Dari Rumah	38
Penjarakan Sosial untuk Individu & Keluarga di Rumah	39



BAB 2 *Integriti & Disiplin*

Tanggungjawab Penjawat Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak dalam Memelihara Integriti Perkhidmatan Awam Semasa Menggunakan Kemudahan Media Sosial dan Internet	41
Tindakan Tatatertib ke atas Penjawat Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak sekiranya Melanggar Arahan PKPB	42



BAB 3 *SCS Wellbeing*

Crisis Management Plan	44
Panduan untuk Kaunselor dalam Mengendalikan E-Kaunseling Sepanjang Krisi COVID-19	46
Managing Employee Wellbeing During COVID-19 Pandemic & Conditional Movement Control Order (CMCO) for SCS	48
Well-Being Management for SCS (Working From Home)	51
SCS 6 Shared Values Internalization during COVID-19 Pandemic Crisis Among SCS	54



BAB 4 *Kemudahan Cuti & ICT Semasa PKPB*

Cuti Kuarantin Khas COVID-19 Bagi PANS	62
Soalan Lazim Cuti Kuarantin Khas COVID-19 bagi PANS	63
Garis Panduan untuk Mengakses Aplikasi dan Kemudahan ICT Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKPB) Berlangsung	67
Sarawak Government Virtual Meetings Guideline (SMA)	69

BAB**Pengurusan Premis & Bangunan Kerajaan**

Guidelines for Disinfection or Decontamination for Government Office	74
Decontamination Guidelines for Confirmed Case(s) Area of COVID-19 or Highly Infectious Pandemic Disease in Government Premises	76
Disinfection Guidelines for Non-Confirmed Case(s) Area of COVID-19 in Government Premises	79
Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk Nyahkuman Pejabat	85
Pengendalian Kebersihan di Premis Kerajaan	86
Penggunaan Lif di Premis Kerajaan	87

BAB**Pencegahan COVID-19 di Tempat Kerja**

Garis Panduan Kebersihan Tangan	89
Etika Batuk & Bersin	90
Garis Panduan Menggunakan Topeng Muka (3 Lapisan)	91
Amalkan 3W : Putuskan Rantaian COVID-19	92
Elakkan 3C : Putuskan Rantaian COVID-19 di tempat kerja	93

BAB**Pengurusan Jenazah Muslim Semasa Pandemik COVID-19**

Meninggal Dunia di Rumah & Bukan Kes Sah atau Disyaki Jangkitan COVID-19	95
Pengurusan Jenazah Muslim Bagi Kes Sah atau Disyaki Jangkitan COVID-19 di Sarawak	106

BAB**Pengurusan Jenazah Bukan Muslim Semasa Pandemik COVID-19**

Guidelines for Transport of Body with Suspected / Probable/ Confirmed COVID-19 Infection from Emergency Department or Ward to Mortuary	126
Guidelines for Management of Brought in Dead Cases Due to Suspected or Probable COVID-19 Infection	127
Guidelines for the Disposal of Deceased in Cases Due to Suspected/ Probable/ Confirmed COVID-19 Infection	128

BAB



Mengenai COVID-19

***Bagaimana COVID-19 Memberi Kesan
Terhadap Tempat Kerja Di Dalam PANS***





MENGENAI COVID-19 CORONAVIRUS

Jangkitan SARS-CoV-2, virus yang menyebabkan wabak COVID-19, boleh menyebabkan penyakit dari kadar ringan hingga teruk, dan dalam beberapa kes, boleh membawa maut.

Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia, gejala COVID-19 akan mula mengeluarkan simptom dari dua (2) hari hingga 14 hari selepas jangkitan.

Informasi terkini Kementerian Kesihatan Malaysia :

<http://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/2019-ncov-wuhan-guidelines>

SIMPTOM



SAKIT KEPALA & SAKIT TEKAK



DEMAM




BATUK



SESAK NAFAS



PENULARAN



MELALUI BATUK &
BERSIN DARI ORANG
YANG DIJANGKITI



SENJUHAN DENGAN
ORANG YANG
DIJANGKITI



SENJUHAN PERMUKAAN
YANG TERCEMAR

LANGKAH BERJAGA-JAGA



sekurang-kurangnya
**1.0
Meter**

AMALKAN JARAK
SELAMAT



BAHSU TANGAN
DENGAN SABUN
SELAMA 20 SAAT



WORK FROM HOME



TUTUP MULUT
SEMASA BATUK & BERSIN



PAKAI TOPENG MUKA
SEKIRANYA MENGALAMI
SIMPTOM



BERSIH & BASMI
KUMAN
SEKERAP MUNGKIN

Kesan-Kesan Semasa dan Selepas Pandemik COVID-19 Terhadap PANS

COVID-19 menyebabkan gangguan terhadap PANS semasa dan selepas pandemik. Akibatnya, tempat kerja mungkin mengalami;

1

Ketidakhadiran : Pekerja berkemungkinan tidak hadir kerana mereka sakit akibat wabak COVID-19, menjadi penjaga ahli keluarga yang sakit; merupakan penjaga kepada kanak-kanak jika sekolah atau pusat jagaan harian ditutup; mempunyai orang berisiko di rumah, seperti anggota keluarga yang mempunyai imunisasi yang lemah; atau mungkin bimbang untuk datang bekerja kerana takut dengan penyebaran.

2

Gangguan Perkhidmatan : Pekerja tidak dapat hadir untuk bekerja kerana kawalan pergerakan. Khasnya bagi kerja-kerja pentadbiran yang bukan dikategorikan di bawah perkhidmatan dan kategori penting.

3

Gangguan Bekalan Barang : Penghantaran bekalan dari kawasan yang terjejas oleh wabak COVID-19 mungkin ditangguhkan atau dibatalkan tanpa pemberitahuan.

4

Kematian : Pekerja meninggal dunia disebabkan wabak COVID-19. Oleh yang demikian, jabatan perlu menyediakan pelan kontigensi bagi menghadapi situasi dimana pentadbiran dan pengurusan agensi terjejas akibat kekurangan sumber manusia secara mengejut.

BAB




Garis Panduan Asas Operasi Pejabat Kerajaan Negeri Semasa & Selepas Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)

Sumber Rujukan :

1. Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
2. Kementerian Kesihatan Malaysia



TATACARA BEKERJA SEMASA & SELEPAS PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)



Bagi pejabat Kerajaan Negeri yang dikehendaki untuk **beroperasi semasa PKP atau selepas PKP** kelak, Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan dan memberi kelonggaran bagi sebahagian pegawai untuk:

Bekerja menggunakan waktu kerja fleksi.

Bekerja dari rumah sama ada secara penggiliran atau sepenuh masa.

TERTAKLUK KEPADA:

- keperluan fungsi jabatan dan kondisi tempat / lokasi kerja masing-masing;
- peratusan penjawat awam yang dicadangkan hadir adalah **sehingga 50%**. Namun Ketua Jabatan boleh menentukan peratusan kehadiran yang diperlukan mengikut tugas/fungsi jabatan tanpa menjaskan prinsip asas & objektif untuk beroperasi.

Hanya pegawai yang memerlukan keberadaan di pejabat perlu hadir ke pejabat. Tertakluk kepada pegawai tersebut tidak di bawah satu perintah kuarantin (*quarantine order*) atau perintah tinggal di rumah (*stay home order*) yang dikeluarkan oleh pegawai yang diberi kuasa (*authorised officer*).



TATACARA BEKERJA SEMASA & SELEPAS PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)



Pertimbangan/ kelonggaran kepada pegawai untuk bekerja dari rumah sama ada secara penggiliran atau sepanjang tempoh yang ditetapkan berasaskan urusan atau tugas pegawai berkenaan tidak memerlukan keberadaan di pejabat setiap masa.

Pegawai awam yang mempunyai tanggungan anak berusia 12 tahun ke bawah atau anak berstatus OKU yang bersekolah & memerlukan penjagaan berterusan, boleh dipertimbangkan untuk bekerja di rumah. Hanya seorang sahaja yang dibenarkan menggunakan kemudahan ini bagi pasangan suami isteri penjawat awam.



Penjawat awam yang berumur 55 tahun ke atas dan mempunyai penyakit berisiko tinggi juga boleh dipertimbangkan untuk bekerja dari rumah.

Mesyuarat digalakkan diadakan secara maya melalui medium yang selamat dan terjamin dari segi kerahsiaan.

Waktu Operasi Pejabat :

- 8 pagi sehingga 5 petang
- Isnin sehingga Jumaat.



Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan penetapan masa penjawat awam bekerja di pejabat atau lokasi yang diperlukan mengikut keperluan fungsi jabatan / agensi masing-masing.

Fungsi yang diberi keutamaan: yang menyokong pembukaan sektor ekonomi dan urusan rasmi yang penting untuk rakyat.


Waktu yang tidak memerlukan keberadaan di pejabat, penjawat awam akan bekerja dari rumah seperti yang diarahkan selaras dengan Pekeliling Perjawatan Negeri Sarawak Bilangan 9 Tahun 2020.

TATACARA BEKERJA SEMASA & SELEPAS PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

Pegawai yang dibenarkan bekerja dari rumah perlu mematuhi peraturan penjawat awam dan memastikan perkara-perkara seperti berikut dipatuhi:

- A Sentiasa berada di rumah dalam tempoh waktu pejabat/bekerja yang ditetapkan oleh Kerajaan;
- B Sentiasa bersedia sekiranya diarah oleh Ketua Jabatan untuk hadir ke pejabat atau mana-mana lokasi lain; dan
- C Memastikan sentiasa boleh dihubungi dalam tempoh waktu bekerja.

Tindakan tatatertib boleh diambil terhadap pegawai yang melanggar arahan yang ditetapkan melainkan mendapat kebenaran Ketua Jabatan. Pegawai adalah tertakluk kepada Perintah-Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri, 1996, Kaedah-Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, 1996 dan peraturan-peraturan lain yang dikeluarkan dari semasa ke semasa yang mana bersesuaian.



Ketua Jabatan juga harus menggalakkan Penjawat-Penjawat Awam Negeri Sarawak untuk memuat turun di telefon bimbit masing-masing aplikasi COVIDTRACE atau apa-apa aplikasi (MySejahtera, MyTrace, dan lain-lain) yang disarankan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu menghentikan penularan COVID-19.

Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan pemanfaatan kepada semua **PERATURAN, GARIS PANDUAN** dan **SURAT EDARAN** yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa Kerajaan yang berkenaan sebagai langkah pencegahan wabak COVID-19.



PERJALANAN KE TEMPAT KERJA



SEBELUM PERJALANAN

- i. Membawa topeng muka dan sanitizer.
- ii. Elak berada di tempat yang sesak dan bersentuhan dengan orang yang menunjukkan gejala.
- iii. Elak daripada melawat ladang haiwan, menjual haiwan dan binatang penyembelih atau menyentuh haiwan.
- iv. Elakkan makan daging mentah.
- v. Mendapatkan rawatan perubatan segera jika mengalami gejala.

1

- i. Mendapatkan nasihat terkini mengenai perjalanan.
- ii. Sesebuah organisasi harus menilai risiko yang berkaitan dengan rancangan perjalanan.
- iii. Pastikan perjalanan tidak berisiko tinggi dalam penyebaran wabak COVID-19.
- iv. Memberi kemudahan kepada pekerja dengan alatan membasuh tangan.
- v. Menyediakan topeng muka.



SEMASA PERJALANAN



2

3

- i. Memantau sendiri kesihatan di rumah seperti yang disarankan oleh KKM.
- ii. Mendapatkan rawatan perubatan dengan segera jika anda mengalami gejala seperti demam, batuk atau kesukaran bernafas dalam masa 14 hari selepas pulang dari lawatan.

Nasihat Kepada Majikan

Sekiranya ada pekerja yang bergejala COVID-19



01

Pantau pekerja yang mempunyai gejala seperti demam, batuk dan sukar bernafas dalam tempoh 14 hari.



02

Pastikan pekerja mendapatkan rawatan segera sekiranya bergejala.



03

Nasihatkan pekerja untuk mengamalkan cara pencegahan:

- Pakai penutup mulut dan hidung jika bergejala.
- Kerap cuci tangan dengan sabun.
- Amalkan etika batuk dan bersin yang betul.

SEBELUM

Tanggungjawab Ketua Jabatan dan Urus Setia.

01

Membentuk dan membuat satu persetujuan pelan persediaan bagi mengelakkan jangkitan di mesyuarat atau acara.

- Mempertimbangkan sama ada mesyuarat secara bersemuka, sidang media atau acara diperlukan. Rekomendasi: sidang media secara siaran langsung, telekonferen atau acara atas talian.
- Adakah mesyuarat atau acara dapat dikurangkan pada skala yang kecil dalam kalangan penglibatan individu?
- Memastikan dan mengesahkan maklumat dan saluran komunikasi dengan pihak yang betul seperti Jabatan Kesihatan Awam dan pihak berkuasa kesihatan.
- Membuat pra-pesanan yang mencukupi bagi bekalan dan peralatan, termasuk tisu dan hand sanitizer untuk peserta. Topeng muka diberikan kepada individu yang mengalami gejala pernafasan.
- Mengawal selia secara aktif gejala-gejala COVID-19. Menasihati peserta agar memaklumkan sekiranya mereka mengalami gejala atau merasa kurang sihat supaya tidak melibatkan diri.
- Memastikan penganjur, peserta, penyedia makanan dan pelawat semasa acara menyediakan maklumat peribadi seperti nombor telefon bimbit, emel dan alamat kediaman. Nyatakan dengan jelas bahawa maklumat yang diberikan akan disalurkan kepada Jabatan Kesihatan Awam tempatan sekiranya peserta di suspek mendapat jangkitan wabak. Mereka tidak dibenarkan untuk melibatkan diri dalam mesyuarat atau acara sekiranya tidak bersetuju untuk mendedahkan maklumat peribadi.

**TEAM WORK****02**

Membentuk dan membuat satu persetujuan untuk pelan tindakan sekiranya terdapat individu dikenal pasti mempunyai gejala COVID-19 (batuk kering, selsema, kelesuan), merangkumi:



- Mengenal pasti bilik atau kawasan di mana seseorang itu berada di dalam keadaan yang tidak sihat atau mengalami gejala wabak agar dapat diasingkan dengan selamat. Mempunyai perancangan/langkah untuk memindahkan mereka kepada kemudahan kesihatan yang lengkap.
- Mengetahui langkah yang perlu di ambil sekiranya peserta mesyuarat, kakitangan atau pembekal perkhidmatan disahkan positif dijangkiti wabak COVID-19 semasa atau selepas menghadiri menyuarat.

SEMASA**1**

Menyediakan maklumat atau taklimat, sebaiknya secara lisan dan bertulis mengenai COVID-19. Pendekatan yang dilakukan oleh pihak pengajur hendaklah selamat untuk peserta.

A

Membina kepercayaan. Sebagai contoh, bagi sesi pengenalan, mempraktikkan kaedah sapaan tanpa bersentuhan /bersalaman.

B

Mencuci tangan dengan sabun atau menggunakan hand sanitizer kepada semua peserta semasa mesyuarat, sidang media atau acara.

C

Menggalakkan peserta untuk menutup mulut ketika batuk atau bersin. Menyediakan tisu dan tong sampah bertutup bagi membuang sisa tisu yang telah digunakan.

Sekiranya terdapat individu mula menunjukkan gejala kurang sihat, sila ikuti langkah pelan persediaan atau hubungi hotline Kementerian Kesihatan **082-443248 (CPRC)** dan Pusat Saringan (rujuk mukasurat 11).

2

Mempamerkan pembahagi (dispenser) hand sanitizer di sekitar kawasan acara berlangsung.

3

Menyusun atur kedudukan kerusi supaya peserta mengekalkan jarak satu meter di antara satu yang lain.

4

Membuka tingkap dan pintu sekiranya dibenarkan. Ini adalah untuk memastikan tempat tersebut mendapatkan pengudaraan yang baik.

5

SELEPAS**01**

Menyimpan maklumat peserta untuk jangka masa sekurang-kurangnya satu (1) bulan. Ini membolehkan pihak berkuasa kesihatan mengesan individu yang berkemungkinan terdedah dengan jangkitan wabak COVID-19 selepas melibatkan diri dengan mesyuarat atau acara yang telah dijalankan.

02

Sekiranya terdapat individu yang terlibat dalam mesyuarat atau acara diasingkan sebagai suspek kes COVID-19, pihak pengajur bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada semua peserta. Mereka dinasihati untuk mengawasi gejala selama 14 hari dan mencatat rekod suhu badan sebanyak dua kali sehari.

03

Sekiranya mereka mengalami tanda-tanda awal batuk dan demam (suhu mencapai 37.5 C atau lebih) haruslah terus menjalani saringan kesihatan di pusat saringan yang berdekatan. Ini bagi mengelakkan hubungan rapat (1 meter atau lebih dekat) dengan individu lain termasuk ahli keluarga. Mereka hendaklah menghubungi pihak kesihatan awam dengan memberikan maklumat sejarah perjalanan dalam masa yang terdekat dan gejala yang dialami.

04

Jika peserta didapati positif COVID-19, pengajur harus dimaklumkan dan memberitahu kepada Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak.



BILIK OPERASI UNTUK TUJUAN SARINGAN DI NEGERI SARAWAK

1. PKB KUCHING	082244586
2. PKD LUNDU	082734025
3. PKD BAU	082763116
4. PKB SAMARAHAN	082672101
5. PKD SIMUNJAN	082803614
6. PKB SERIAN	082872331
7. PKB SRI AMAN	083320230
8. PKD LUBOK ANTU	083584061
9. PKB BETONG	083472360
10. PKD SARATOK	083436143
11. PKB SARIKEI	084652815
12. PKD PAKAN/JULAU	084734606
13. PKD MERADONG	084693494
14. PKB SIBU	084345862
15. PKD KANOWIT	084752333
16. PKB MUKAH	084873302
17. PKD DARO	084823744
18. PKD MATU	084832466
19. PKD DALAT	084863618
20. PKD TJK MANIS	084815612
21. PKB KAPIT	084799264
22. PKD SONG	084777533
23. PKD BELAGA	086461363
24. PKB BINTULU	086315235
25. PKB MIRI	085410722
26. PKD MARUDI	085755511
27. PKB LIMBANG	085211726
28. PKD LAWAS	085285970





1/3

COVID-19: kesesuaian penganjuran program

1

Penganjuran program di tempat awam masih boleh diteruskan dan sebarang tindakan pembatalan adalah tertakluk kepada penilaian serta keputusan oleh pihak penganjur program tersebut.

2

Mengambilkira kemampuan pihak penganjur program untuk melaksanakan dengan sebaiknya langkah-langkah pencegahan dan kawalan dalam kalangan peserta program bagi menekan penularan jangkitan penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) semasa program tersebut diadakan.

3

Tindakan haruslah dilaksanakan oleh para peserta dan penganjur program bagi bersama-sama mencegah penularan jangkitan COVID-19 semasa penganjuran program terbabit.



Diterbitkan oleh:
Kementerian Kesihatan Malaysia





2/3

CEGAH COVID-19

TINDAKAN PENGANJUR PROGRAM

1

Menjalankan saringan dalam kalangan peserta program dan **TIDAK** membenarkan mana-mana peserta yang dikesan mempunyai demam mahupun gejala jangkitan saluran pernafasan (seperti sakit tekak, batuk, selsema) untuk menghadiri program tersebut, disamping menasihatkan mereka untuk **mendapatkan rawatan**.

2

Menyediakan cecair **pencuci tangan** (hand sanitizer) dalam kuantiti yang mencukupi dan diletakkan di lokasi-lokasi strategik untuk kegunaan para peserta program.

3

Sentiasa **mengikuti perkembangan terkini** mengenai kejadian jangkitan COVID-19 dan langkah-langkah pencegahan serta kawalan yang disyorkan daripada laman web yang berkaitan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia, sebagaimana berikut:

- <http://www.moh.gov.my>
- <https://www.infosihat.gov.my/>
- <https://lkpkesihatan.com/>

Diterbitkan oleh:
Kementerian Kesihatan Malaysia





3/3

CEGAH COVID-19

TINDAKAN PESERTA PROGRAM

1

Jika bergejalan jangkitan saluran pernafasan, **berehat di rumah** bagi mengelakkan jangkitan kepada orang lain dan elakkan dari menghadiri program berkaitan, disamping turut mendapatkan rawatan bagi gejala yang dialami.

2

Mengamalkan **etika batuk** – iaitu menutup mulut dan hidung dengan tisu apabila batuk mahupun bersin, seterusnya membasuh tangan dengan serta merta.

3

Sentiasa menjaga kebersihan, khususnya **cuci tangan** dengan cara yang betul dan **lebih kerap** – iaitu gunakan air dan sabun sekurang kurangnya untuk tempoh selama 20 saat atau gunakan hand sanitiser

4

Sentiasa membawa bersama **penutup mulut** dan hidung serta bahan pencuci tangan (hand sanitizer) untuk digunakan apabila perlu.

Diterbitkan oleh:
Kementerian Kesihatan Malaysia



PENGURUSAN REKOD, DOKUMEN RAHSIA RASMI & ASET KERAJAAN

“

Ketua Jabatan dan semua penjawat awam juga adalah tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi, 1972; Arahan Keselamatan; dan Perintah-Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri, 1996 bagi pengurusan maklumat dan rekod rasmi kerajaan.

Bagi Pengurusan Aset Kerajaan ia adalah tertakluk kepada Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil. 02/2013 dan peraturan yang dikeluarkan oleh Setiausaha Kewangan Negeri berkaitan aset dari semasa ke semasa.”

”



PENGURUSAN REKOD, DOKUMEN RAHSIA RASMI & ASET KERAJAAN

PROSEDUR OPERASI STANDARD

PENGGUNAAN ASET ALIH MILIK KERAJAAN NEGERI DI LUAR PEJABAT

1. TUJUAN

Prosedur Operasi Standard ini bertujuan untuk menerangkan prosedur dan peraturan yang perlu dipatuhi oleh Pegawai Kerajaan mengenai penggunaan aset alih milik Kerajaan Negeri di luar pejabat.

2. PROSEDUR DAN PERATURAN

- 2.1 Dalam keadaan tertentu, aset alih milik Kerajaan Negeri boleh digunakan di luar pejabat atas sebab urusan rasmi yang diperlukan dari semasa ke semasa.
- 2.2 Untuk memastikan pengurusan yang efisien dan keselamatan penggunaan aset alih milik Kerajaan Negeri di luar pejabat, prosedur dan peraturan seperti berikut hendaklah dipatuhi:
 - a) Aset yang dibawa keluar dari pejabat seperti *laptop*, *printer*, projektor, kamera, *walkie-talkie* dan seumpamanya hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada Pegawai Pengawal / Ketua Jabatan;
 - b) Penggunaan aset alih yang digunakan di luar pejabat hendaklah direkod;
 - c) Aset alih digunakan di luar pejabat hanya untuk tujuan rasmi sahaja;
 - d) Aset alih tersebut hendaklah digunakan mengikut fungsi sebenar dalam manual;
 - e) Aset alih digunakan di luar pejabat hendaklah dikendali oleh Pegawai yang mahir dan berkelayakan;
 - f) Keselamatan aset alih adalah di bawah tanggungjawab Pegawai yang menggunakan aset alih milik Kerajaan Negeri di luar pejabat;
 - g) Pegawai hendaklah memastikan kerahsiaan data dan rekod Kerajaan Negeri terpelihara;
 - h) Melaporkan kerosakan dalam Borang Aduan Kerosakan (MMAS-03) sekiranya ada;


PENGURUSAN REKOD, DOKUMEN RAHSIA RASMI & ASET KERAJAAN

- i) Aset alih hendaklah dipulangkan semula sebaik selesai penggunaannya atau mengikut tempoh kelulusan, yang mana lebih awal; dan
 - j) Bagi pengurusan dan penggunaan kenderaan Jabatan, peraturan khusus yang ditetapkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri yang sedang berkuatkuasa hendaklah turut dipatuhi.
- 2.3 Prosedur dan peraturan ini hendaklah dibaca bersama dengan:
- a) *The State Public Service General Orders, 1996;*
 - b) Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bilangan 2/2013: Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan dan Pelaksanaan *Management of Moveable Asset System (IMMAS)* Fasa 1; dan
 - c) Arahan yang dikeluarkan daripada Setiausaha Kerajaan Negeri dan Setiausaha Kewangan Negeri dari semasa ke semasa.
- 2.4 Pegawai yang gagal mematuhi prosedur dan peraturan ini boleh dikenakan tindakan termasuk surcaj di bawah **Seksyen 18(c) Akta Prosedur Kewangan 1957.**
3. **CARTA ALIRAN PENGGUNAAN ASET ALIH MILIK KERAJAAN NEGERI DI LUAR PEJABAT**
Carta aliran penggunaan aset alih milik Kerajaan Negeri di luar pejabat adalah seperti **Jadual 1** dan **Jadual 2**.

PENGURUSAN REKOD, DOKUMEN RAHSIA RASMI & ASET KERAJAAN

JADUAL 1

CARTA ALIRAN PENGGUNAAN ASET ALIH MILIK KERAJAAN NEGERI DI LUAR PEJERAT



PENGURUSAN REKOD, DOKUMEN RAHSIA RASMI & ASET KERAJAAN

JADUAL 2

PROSES KERJA ALIRAN PENGGUNAAN ASET ALIH DI LUAR PEJABAT

Langkah	Proses Kerja
1	Pegawai mengemukakan permohonan menggunakan Borang Permohonan Kebenaran Penggunaan Aset Alih Milik Kerajaan Negeri (Borang PKP).
2	Borang PKP diserahkan kepada Pegawai Aset Kementerian / Jabatan.
2 (a)	Jika Borang PKP lengkap, terus ke Proses 3.
2 (b)	Borang PKP yang tidak lengkap dikembalikan kepada Pegawai yang memohon.
3	Pegawai Aset mengemukakan Borang PKP kepada Pegawai Pengawal / Ketua Jabatan untuk kelulusan.
3 (a)	Jika mendapat kelulusan, terus ke Proses 4.
3 (b)	Borang PKP yang tidak diluluskan akan dimaklumkan kepada Pegawai yang memohon oleh Pegawai Aset.
4	Pegawai Aset mengarahkan Data Entry dan Verifier untuk mengemaskini rekod peminjaman aset dalam modul <i>Management of Moveable Asset System (MMAS)</i> .
5	<i>Data Entry</i> dan <i>Verifier</i> menyediakan maklumat aset dalam modul MMAS Asset Borrowing (<i>Asset Issue Out</i>) seperti berikut: a) ID Aset b) Spesifikasi (Jenama/Model) c) Tempoh digunakan / dikembalikan d) Harga perolehan asal e) Pegawai Bertanggungjawab yang membawa keluar aset
6	Aset yang telah dikembalikan akan dikemaskini oleh <i>Data Entry</i> dan <i>Verifier</i> dalam modul MMAS Asset Return.

PENGURUSAN REKOD, DOKUMEN RAHSIA RASMI & ASET KERAJAAN

BORANG PKP

BORANG PERMOHONAN KEBENARAN PENGGUNAAN ASET ALIH MILIK KERAJAAN NEGERI DI LUAR PEJABAT

Kementerian / Jabatan	:	
Bagagian / Seksyen / Unit / Pejabat Daerah / Pejabat Daerah Kecil <i>(Jika Berkaitan)</i>	:	

1. MAKLUMAT PEGAWAI PEMINJAM:

Nama: NO. K/P:

Alamat Pejabat: Jawatan / Gred:

Alamat Rumah:

Bil	Peralatan	Aset ID	Tujuan	Tempoh Pinjaman	
				Dari	Hingga

2. PENGESAHAN/PERAKUAN PEMINJAM

Dengan ini saya bersetuju dan berjanji bahawa

- Akan menjaga aset alih milik Kerajaan Negeri dengan baik dan menggunakan untuk tujuan rasmi sahaja;
- Akan memastikan kerahsiaan data dan rekod Kerajaan Negeri terpelihara;
- Akan bertanggungjawab di atas sebarang kerosakan dan kehilangan yang disebabkan oleh **kecualian diri sendiri**; dan
- Akan menyerahkan semula aset alih milik Kerajaan Negeri tersebut pada tarikh yang telah dipersetujui atau jika dikehendaki berbuat demikian pada bila-bila masa.

TANDATANGAN PEGAWAI PEMINJAM:

.....
(
Tarikh:
No. Tel (Pejabat):
No. H/P:

**TANDATANGAN PEGAWAI PEGAWAL /
KETUA JABATAN:**

.....
(
Tarikh:

GARIS PANDUAN UNTUK PENJARAKAN SOSIAL DI TEMPAT KERJA

1. Pekerja digalakkan untuk duduk di rumah dan memaklumkan majikan sekiranya tidak sihat atau mempunyai gejala-gejala demam, batuk, dan selsema.
2. Jika ada rakan sekerja didapati mempunyai gejala seperti di atas ketika di tempat kerja, elakkan kontak dengan rakan tersebut dan maklumkan kepada majikan untuk memberikan arahan pemeriksaan dan kuarantin.
3. Pekerja digalakkan untuk melakukan mesyuarat dan perbincangan menggunakan medium teknologi jika boleh dilaksanakan :
 - a. Antara jabatan;
 - b. Antara negeri;
 - c. Antara organisasi;

d. Bila mana-mana pekerja diberikan perintah kuarantin di rumah oleh pihak berkuasa.
4. Pekerja hendaklah digalakkan untuk tidak berjabat tangan.
5. Besarkan jarak ruang kerja di antara pekerja-pekerja di tempat kerja (berjauhan sekurang-kurangnya 1 meter).
6. Rancang waktu kerja dengan sistematik (penggiliran kerja) supaya tidak semua berada di pejabat pada masa yang sama.
7. Hadkan jumlah peserta di dalam mesyuarat. Jika tidak boleh dielakkan, pastikan mesyuarat dilakukan tidak melebihi satu (1) jam.
8. Pekerja adalah digalakkan untuk makan bersendirian dimeja sendiri.
9. Elakkan berkumpul di tempat kerja atau di mana-mana tempat yang kecil dan tertutup seperti bilik mesin cetak.
10. Elakkan perhimpunan berkaitan kerja dalam skala yang terlalu besar, tidak melebihi 10 orang (contoh : mesyuarat, perjumpaan selepas kerja, dan sebagainya).
11. Elakkan perjalanan kerja yang tidak penting ke luar kawasan.

BAB

03

***Garis Panduan
Pengurusan Perkhidmatan Pelanggan
di Tempat Kerja Semasa & Selepas
Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)***

*Disediakan oleh :
Unit Pemodenan Perkhidmatan Negeri*



GARIS PANDUAN PENGURUSAN PERKHIDMATAN PELANGGAN DI TEMPAT KERJA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK

TUJUAN

- Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan langkah-langkah yang boleh diambil oleh pegawai yang bertugas dan pelanggan yang mendapatkan perkhidmatan di kaunter perkhidmatan dalam usaha mengawal penularan jangkitan wabak COVID-19.
- Garis panduan ini adalah tertakluk kepada Surat Pekeliling Perjawatan Negeri Sarawak Bilangan 7 Tahun 2020 iaitu Garis Panduan Pengendalian Isu-Isu Berhubung Penularan Jangkitan COVID-19 Di Premis Kerajaan yang bertarikh 19 Mac 2020.

LATAR BELAKANG

- Dalam membendung wabak COVID-19 yang semakin menular ini, beberapa tindakan langkah berjaga-jaga harus dilaksanakan demi menjaga kesejahteraan pegawai yang bertugas di kaunter perkhidmatan dan pelanggan yang datang mendapatkan perkhidmatan Kerajaan di seluruh Sarawak.

PENGURUSAN PELANGGAN

- Dalam tempoh penularan wabak COVID-19 ini, semua pihak memainkan peranan penting untuk menghentikan penyebaran wabak COVID-19, dan pada masa yang sama memastikan penyampaian perkhidmatan sentiasa berjalan dengan efektif dan lancar. Perkhidmatan secara talian juga harus disediakan bagi meningkatkan capaian perkhidmatan.

TANGGUNGJAWAB PELANGGAN



1

- Digalakkan memakai penutup mulut dan hidung (*mask*). Sesiapa yang mempunyai simptom seperti batuk, sakit tekak atau kesukaran pernafasan adalah WAJIB memakai penutup muka dan hidung.



2

- Diwajibkan beratur dan melalui ujian saringan suhu badan terlebih dahulu.



3

- Pelanggan yang tidak sihat atau memiliki suhu badan 37.5°C atau lebih DILARANG masuk dan dinasihatkan ke klinik kesihatan berdekatan untuk pemeriksaan lanjut.

KURANG DARI
 37.5°C



4

- Diwajibkan mematuhi penjarakan sosial sekurang-kurangnya satu (1) meter.



5

- Diwajibkan untuk menggunakan *hand sanitizer* di pintu masuk sebelum mendapatkan sebarang perkhidmatan.

TANGGUNGJAWAB PELANGGAN



6

- Memberi keutamaan kepada Warga Emas, Orang Kurang Upaya (OKU) & Ibu Mengandung.

7

- Mengamalkan penjarakan sosial sekurang-kurangnya satu (1) meter semasa menjalankan urusan di pusat/kaunter.
- Menjalankan urusan berseorangan tanpa membawa teman kecuali bagi mereka yang memerlukan bantuan seperti warga emas, OKU dan ibu mengandung.



TANGGUNGJAWAB AGENSI

1

Memastikan suhu badan pelanggan diperiksa di pintu masuk sebelum dibenarkan masuk ke pusat perkhidmatan:

- Pelanggan yang suhu badan 37.5°C atau lebih tidak dibenarkan masuk dan diambil suhu untuk kali kedua.
- Jika suhu badan masih 37.5°C atau lebih, pelanggan DILARANG masuk ke dalam pusat perkhidmatan.
- Pelanggan yang mempunyai simptom seperti batuk, sakit tekak atau sukar bernafas tetapi suhu badan di bawah 37.5°C DIWAJIBKAN memakai penutup mulut dan hidung.



2

Memastikan pelanggan yang masuk didaftar maklumat seperti nama, nombor kad pengenalan, dan nombor telefon untuk rujukan masa depan bagi memudahkan proses pengesanan pergerakan jika perlu.



Mengehadkan pergerakan pelanggan yang masuk ke dalam pusat/kaunter perkhidmatan:

3

- Disarankan hanya satu (1) pintu masuk dan satu (1) pintu keluar sahaja.
- Memastikan pintu masuk dan keluar sentiasa terbuka dengan kawalan pegawai yang bertugas. Jika pintu tidak dapat dibuka sentiasa, pemegang pintu perlu disanitasi setiap jam/sekerap mungkin.
- Mengehadkan jumlah pelanggan yang masuk ke pusat perkhidmatan dalam satu masa.
- Memastikan jumlah pelanggan tidak melebihi kapasiti keluasan ruang menunggu yang bertetapan dengan penjarakan sosial sekurang-kurangnya satu (1) meter.

TANGGUNGJAWAB AGENSI

4

Memastikan pelanggan yang memasuki pusat perkhidmatan digalakkan menggunakan penutup mulut dan hidung (*mask*).




5

Memastikan pelanggan yang memasuki pusat perkhidmatan menggunakan *hand sanitizer* di pintu masuk.



6

Memastikan jarak tempat duduk pelanggan adalah selamat sekurang-kurangnya satu (1) meter dengan menandakan kawasan penjarakan sosial di tempat duduk berkenaan.



7

Memastikan penjarakan sosial antara pelanggan dan pegawai yang bertugas adalah selamat sekurang-kurangnya satu (1) meter ketika melakukan transaksi dan memberikan perkhidmatan.



8

Pegawai haruslah sentiasa mengamalkan **6 Nilai Bersama** ketika berhadapan dengan pelanggan untuk memastikan pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan.

PENYEDIAAN BAHAN KEPERLUAN DAN NOTIS KESEDARAN COVID-19


● Penyediaan *Hand-Sanitizer* ●



Menyediakan *hand-sanitizer* secukupnya dan diletakkan di tempat yang sesuai seperti di pintu masuk, pintu keluar dan setiap kaunter perkhidmatan.

● Notis Kesedaran Covid-19 ●

- Mempamerkan notis kempen kesedaran untuk tiada persentuhan secara fizikal seperti bersalam, penjarakan sosial, dan penggunaan penutup mulut dan hidung.
- Mempamerkan notis dan poster mengenai penjagaan kebersihan sendiri.
- Mempamerkan notis dan poster yang berkaitan dengan COVID-19.



TANGGUNGJAWAB PENGURUS/PENYELIA



Sentiasa berbincang bersama pegawai mengenai COVID-19:

- Memastikan pegawai sentiasa mengamalkan kebersihan (*hygiene*) iaitu dengan menggunakan *hand sanitizer* atau mencuci tangan menggunakan sabun.
- Sentiasa memaklumkan perkembangan terkini mengenai COVID-19.
- Memastikan pegawai dibekalkan dengan penutup mulut dan hidung dan memakai dengan betul sepanjang waktu bertugas.

Sentiasa memantau operasi keseluruhan pusat/kaunter perkhidmatan dengan memastikan semua pegawai dan pelanggan mematuhi garis panduan yang telah disediakan.

Memastikan suhu badan semua pegawai yang bertugas di pusat perkhidmatan diambil dan direkod sebelum memasuki pusat serta sewaktu balik untuk tujuan memantau kesihatan pegawai.

- Memastikan kerja nyah cemar (*disinfect*) dilakukan secara berkala:
 - Sejam sekali bagi tempat-tempat yang selalu dipegang oleh pelanggan seperti pemegang pintu, kaunter hadapan, kerusi (ruang menunggu), kaunter perkhidmatan, *Self Service Terminal* dan lain-lain.
 - Dua (2) kali sehari bagi kawasan yang kurang disentuh.
- Semua bahan buangan terpakai seperti penutup mulut dan hidung (*mask*), sarung tangan dan tisu muka harus dibuang mengikut kaedah yang betul berdasarkan langkah-langkah yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- Mematuhi saranan penjagaan kebersihan yang dikeluarkan oleh KKM dari semasa ke semasa.
- Memastikan *hand sanitizer* mencukupi dan diletakkan di tempat yang sesuai seperti di pintu masuk, pintu keluar dan di setiap kaunter perkhidmatan.
- Alih / Simpan bahan yang tidak mudah dibersihkan seperti akhbar, majalah, risalah, bunga hiasan dan sebagainya dari ruang menunggu.
- Memastikan kaunter meja tidak dipenuhi dengan barang/peralatan yang tidak digunakan untuk memudahkan proses nyah cemar (*disinfect*).



TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PERKHIDMATAN PELANGGAN



- Melakukan pengesanan suhu badan sebelum masuk ke tempat kerja dan sewaktu balik kerja.
- Wajib menggunakan penutup mulut dan hidung (*mask*) sepanjang waktu bertugas.
- Memastikan jarak antara pegawai dengan pelanggan adalah selamat (1 meter).
- Elakkan berkongsi pen dengan pelanggan. Galakkan pelanggan menggunakan pen sendiri atau menyediakan pen tambahan di kaunter perkhidmatan. Pen tambahan mesti dinyah cemar selepas setiap penggunaan.
- Nyah cemar (*disinfect*) permukaan kaunter termasuk terminal kad debit / kredit, *MyKad Reader* dan *Customer Feedback Rating Panel* selepas selesai melakukan transaksi sekerap yang mungkin.
- Jika mengendalikan wang tunai, bersihkan tangan dengan *hand sanitizer* selepas setiap transaksi.
- Sentiasa menjaga kebersihan tangan dengan menggunakan *hand sanitizer* atau mencuci menggunakan sabun.
- Memastikan semua alatan alat tulis / aset yang digunakan tidak dikongsi bersama pegawai yang lain.
- Tidak mengamalkan dasar berjabat tangan (*No handshake policy*). Sebaliknya, pegawai boleh meletakkan tangan kanan ke dada sebagai tanda hormat.
- Dilarang memegang mana-mana bahagian muka atau badan yang lain sebelum membasuh tangan atau menggunakan *hand sanitizer* selepas memberikan perkhidmatan kepada pelanggan.

Semasa rehat atau makan tengah hari:

- Sentiasa menjaga kebersihan tangan dengan mencuci menggunakan sabun (sekurang-kurangnya 20 saat) sebelum menyentuh barang persendirian.
- Sentiasa menjaga penjarakan sosial antara rakan sekerja ketika berada di dalam pantri.
- Tidak digalakkan berada di dalam pantri secara beramai-ramai dan berkongsi makanan antara satu sama lain.
